

## Keluarga Bahagia (Tadika 1 Buku Besar 5 'Gigi Datuk')

### **Gambaran Keseluruhan:**

Menggunakan lagu untuk memperkenalkan ahli keluarga kepada kanak-kanak dalam bahagian induksi pelajaran.

### Matlamat Pembelajaran:

- 1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
- 2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

### Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

- 1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Mengenali ahli keluarga'
- 2. memberikan respons yang sesuai

### #1 Memilih lagu yang sesuai

- Guru memastikan lirik lagu yang dipilih pendek, berulang dan mudah difahami serta melodi yang menarik.
- Guru mengajak kanak-kanak mendengar lagu 'Ibu, Saya Sayang'.









\*Guru harus peka dengan kepelbagaian latar belakang kanak-kanak dan tidak menyentuh isu-isu sensitif (Contoh: penceraian, tiada Ibu atau ayah dan lain-lain lagi).



# #2 Menggunakan aksi dan gerak yang sesuai untuk mengenalkan perkataan baharu

• Guru menyanyikan lagu 'Ibu, Saya Sayang' dan melakukan aksi yang sesuai.



Guru mengajak kanak-kanak melakukan aksi.

# #3 Mengulang lagu beberapa kali sebelum mengajak kanak-kanak bernyanyi sambil melakukan aksi yang sesuai

- Guru mengajak kanak-kanak mengikut aksi yang dilakukan oleh guru.
- Guru menggantikan 'Ibu' dalam lagu tersebut dengan ahli keluarga yang lain (Contoh: gantikan 'mana Ibu' kepada 'mana Adik').



Guru mengajak kanak-kanak menyanyi lagu sambil melakukan aksi.

### \*Aktiviti Lanjutan

#### Guru:

- menunjukkan slaid atau buku kolaj keluarga guru
- mengajak kanak-kanak berbual tentang slaid atau buku kolaj gambar-gambar keluarga guru
- menanyakan soalan-soalan tentang keluarga kanak-kanak Contoh:
  - Berapa ramaikah orang yang tinggal di dalam rumah kamu?
  - Siapakah mereka?
- \*Guru menerima jawapan kanak-kanak (jika ada) yang akan menamakan pembantu rumah sebagai salah seorang ahli keluarga. Namun, guru haruslah memberitahu kanak-kanak bahawa pembantu rumah ialah seseorang yang membantu keluarga.
- mengajak kanak-kanak melukis gambar keluarga mereka di atas sekeping kertas.

#### Penutup

Guru mengajak kanak-kanak bercerita mengenai keluarga mereka berdasarkan gambar keluarga yang telah dilukis.